

Jumaat

21 April 2017



MALAYSIA

**MAJLIS MENGANGKAT SUMPAH
AHLI DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KELIMA
MESYUARAT PERTAMA**

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
MAJLIS MENGANGKAT SUMPAH
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KELIMA
MESYUARAT PERTAMA
Jumaat, 21 April 2017

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.03 pagi

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

MENGANGKAT SUMPAH SEBAGAI AHLI DEWAN NEGARA

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat sumpah:

- Yang Berhormat Senator Dato' Lee Chee Leong
- Yang Berhormat Senator Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim
- Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif
- Yang Berhormat Senator Datuk Chong Sin Woon

[Upacara Mengangkat Sumpah Tamat]

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

MENGALU-ALUKAN PELANTIKAN SEMULA AHLI DEWAN NEGARA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, salam sejahtera dan selamat pagi. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan mengalu-alukan pelantikan semula empat orang Ahli Dewan Negara seperti berikut:

Dua orang ahli dari Negeri Sembilan, dan dua orang ahli dari Negeri Perak, iaitu:

- (i) Yang Berhormat Datuk Chong Sin Woon dari Negeri Sembilan;
- (ii) Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif dari Negeri Sembilan;
- (iii) Yang Berhormat Datuk Hamzah bin Mohd Kasim dari Negeri Perak; dan
- (iv) Yang Berhormat Dato' Lee Chee Leong dari Negeri Perak.

Pemilihan Yang Berhormat-Yang Berhormat untuk Penggal Kedua merupakan satu pengiktirafan oleh kerajaan negeri terhadap khidmat bakti serta sumbangan Yang Berhormat sepanjang penggal yang lalu, dan saya berharap prestasi yang terbukti dapat diteruskan lagi di Dewan yang mulia ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, walaupun Ahli-ahli Yang Berhormat dipilih kali kedua, ia adalah kewajipan saya untuk mengingatkan terhadap ikrar yang dilafazkan oleh empat orang Ahli Dewan Negara. Ingin saya menegaskan peri pentingnya bagi Ahli-ahli Yang Berhormat Senator memahami, menghayati, mendukung dan mempertahankan Perlembagaan Negara Malaysia dan kedaulatan undang-undang, seiring dengan jiwa dan semangat di sebalik piagam Rukun Negara.

Saya juga berharap semoga perwatakan dan keperibadian tinggi, kesopanan dan kesusilaan, serta khidmat bakti terhadap masyarakat akan menjadi contoh teladan yang terpuji bersesuaian dengan prinsip kenegaraan tersebut dan konsep budaya tinggi.

Tidak kurang pentingnya, Ahli-ahli Yang Berhormat perlu membaca dan memahami *Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara* yang mana akan membantu Ahli-ahli Yang Berhormat untuk menjalankan tanggungjawab di Dewan ini.

Saya menyeru agar semua Ahli Yang Berhormat berazam untuk sentiasa memartabatkan dan memperkasakan Dewan Negara sebagai sebuah institusi mulia dan luhur dengan berpandukan kepada garis-garis panduan tersebut, nescaya akan membantu menaikkan imej Parlimen sebagai sebuah institusi perundangan yang berwibawa dan di sanjung tinggi di persada antarabangsa.

Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini saya mengakhiri *Majlis Mengangkat Sumpah* pada hari ini.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 10.13 pagi.]